

# **KERTAS KERJA**

## **6**

# Nilai-nilai Perwatakan Melayu Dalam Imej Warna:

## Satu penelitian Etnografi Seni

Achmad Sopandi Haji Hasan

Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris

### Pengenalan

Dalam masyarakat Melayu penggunaan warna biasanya dijumpai dalam pelbagai artifak. Warna alam semula jadi lebih banyak digunakan untuk bahan pewarna, diperolehi daripada bahan pewarna yang 'mesra alam' yang sehati dengan kehidupan seharian masyarakat Melayu. Perkara itu telah wujud sejak berabad-abad yang lalu, malah dipercayai wujud dari zaman prasejarah lagi. Orang Melayu pada zaman dahulu mengambil berat tentang nilai-nilai dan perwatakan warna. Warna digunakan meluas dalam masyarakat Melayu, imej dari satu warna menurut kepercayaan, pengguna akan aman damai dan jauh dari malapetaka. Warna tradisional tempatan ialah satu warisan milik orang Melayu yang memiliki makna dan nilai-nilai yang melibatkan cara hidup, ekonomi, alam persekitaran. Dari faktor ini lahirnya pelbagai bentuk kraftangan dan artifak tradisional Melayu. Dalam penggunaan warna tradisional Melayu, pandai tukang memainkan peranan yang penting. Warna wujud kerana keperluan kehidupan seperti untuk berkomunikasi, adat istiadat, upacara dan pengobatan. Mengikut kepercayaan orang Melayu, pemilihan warna alam semula jadi merupakan perkara utama. Terdapat juga setengah masyarakat dahulu menggunakan warna untuk perobatan. Masyarakat zaman prasejarah menggunakan warna sebagai perhubungan dengan semangat, roh dan menceritakan peristiwa perburuan, kehidupan, penggambaran serta menggunakan warna tertentu untuk perobatan. Diana Brown (1997) menyatakan manusia pada zaman itu menggunakan bahan tanah liat sebagai warna pigmen yang dicampurkan dengan lemak binatang sebagai media perobatan. Keindahan dan kehalusan seni warna ini terletak pada adunan sempurna ekstrak tumbuhan dari permukaan bumi Melayu dan sumber galian yang memberikan prestasi paling tinggi untuk pengeluaran produk bermutu, jelas ini memaparkan tamadun dan budaya serta ketinggian aras pemikiran masyarakat silam. Menurut Siti Zainon (2000), warna merupakan amalan yang telah diamalkan sejak permulaan tamadun manusia lagi yang merupakan seni penggunaan ekstrak daripada tumbuh-tumbuhan untuk pelbagai keperluan hidupan harian, sebagai media komunikasi untuk

menyampaikan pesan suci dan perubahan masyarakat Melayu lama. Dari segi estetikanya, terdapat perhubungan antara artistik dan kreativiti bahasa tampak (*visual language*) masyarakat Melayu ketika itu. Minat dan tingkah laku masyarakat Melayu yang kreatif, penggunaan warna berlaku dalam konteks aktiviti-aktiviti seni. Pada masa yang sama mereka berkeupayaan menggunakan seni warna untuk perubahan dan upacara-upacara ritual. Ini menunjukkan bahawa penggunaan warna itu sangat penting dalam penghasilan karya seni masyarakat Melayu.

Kajian-kajian tentang simbolisme warna dalam kebudayaan manusia (Franz Boas 1927; Herskovits 1948; Turner 1966; Berlin 1970; Saidatul Normis 1999; Peter Belwood 2000) mendapati bahawa warna mempunyai makna tertentu yang diproyeksikan sebagai lambang.

Pandangan sarjana barat seperti Franz Boas (1927), dalam bukunya *Primitive Art* menyatakan bahawa, pengetahuan manusia mengenai seni warna berasaskan kepada peningkatan teknik dan ekspresi emosi dan fikiran manusia.

Emosi estetik pada pelbagai artifak membuktikan perkembangan daya fikir masyarakat Melayu setaraf dengan tingkat kebudayaan manusia yang lebih terkehadapan. Ini menunjukkan bahawa warna itu sangat penting sebagai bahan dalam perubahan dan penghasilan karya seni dan kesannya masih kekal hingga ke hari ini dan terus berkembang dikalangan orang Melayu. Masyarakat Melayu memang terkenal dengan kemahiran dan keilmuan dalam pewarnaan yang dikatakan mampu mengurangkan penyakit yang diderita oleh pesakit biasanya dikaitkan dengan penggunaan warna untuk penyembuhan.

Menurut kajian Gerry Thompson dan Ambika Wauters (2001), perubahan dengan menggunakan warna memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia seperti ritual, penyembuhan dan spiritual sejak zaman awal kewujudan manusia. Sehubungan itu, penggunaan warna untuk tujuan perubahan dalam kehidupan harian berkembang pesat sehingga ke peringkat antara bangsa. Keindahan warna diakui dan digunakan di kalangan masyarakat Melayu di Nusantara serantau seperti di Indonesia, Brunei, Filipina, Thailand dan Malaysia digunakan sebagai bahan perobatan tradisional yang masih lagi diamalkan. Sebenarnya seni tercipta bagi mengungkap hasrat kemanusiaan. Menurut Wairah Marzuki (2001), ungkapan ini tidak pernah

terbatas malahan lebih meluas apabila karyawan menggunakan bahantara pelbagai seperti bahan pewarna asli dari tanah liat. Selanjutnya beliau mengatakan dalam pengzahirannya ungkapan inilah didapati bahawa karyawan tidak alpha akan konsep keharmonian dan kesejahteraan sejagat, ketinggian hati budi budaya dan seni yang terus hidup demi kesejahteraan negara.

Dalam konteks ini, warna Melayu adalah satu daripada lambang imej dan peradaban bangsa Melayu masa lalu. Warna adalah medium terawal sekali digunakan oleh masyarakat Melayu. Warna Melayu mempamerkan lambang dan nilai-nilai moral masyarakat Melayu serta kepakaran bangsa melayu dahulu membentuk imej dan makna yang indah. Alam adalah nadi dalam pembangunan Seni Tampak Melayu. Rekacorak, rekabentuk dan warna yang terdapat dalam Seni Tampak ini adalah berpunca dari alam semula jadi (Raja Fuziah, 2001).

Ianya nyata jika dilihat dari warna yang dijumpai dalam pelbagai barangan kraftangan seperti ukiran kayu, seni logam, tenunan songket dan seni anyaman. Seniman Melayu mendapat ilham dari alam yang luas, untuk mewujudkan warna kuning, merah, hitam dan putih, iaitu warna asas yang masih lagi diguna pakai di kalangan penduduk tempatan. Warna ini terdapat bukan sahaja pada ukiran tetapi juga tradisi ini masih diamalkan dalam konteks perubatan. Warna merah misalnya selalu dihubungkan dengan warna api, darah, kemungkinan memiliki sesuatu kekuatan. Warna merah dikenali dalam perubatan sebagai agen kepada pembangkit semangat hidup dan kuasa. Menurut Pauziah (1983), warna-warna pada kain itulah yang mencorakkan kain dan resapan. Bahan-bahan pewarna yang digunakan dihasilkan daripada warna-warna buah-buahan dan kulit kayu tempatan dan kain ini dikenali dengan batik.

Orang Melayu di Afrika Selatan menggunakan tanah liat warna merah untuk tujuan perubatan dan penyembuhan penyakit. Di Brunei, hingga kini dipercayai bahawa warna kuning yang dihasilkan dari kunyit memiliki kuasa untuk penyembuhan. Menurut Syed Ahmad Jamal (1992), warna memainkan peranan yang penting dalam kebudayaan orang Melayu, mereka menggunakan ekspresi warna dalam pelbagai simbol dan estetika, masyarakat Melayu gemar terhadap warna yang cerah, seperti warna kuning. Warna kuning penting dan salah satu warna yang popular di kalangan orang Melayu. Menurut Nakula (1990), masyarakat Melayu percaya bahawa warna

kuning sebagai warna diraja, warna kuning sebagai perlambangan kekuasaan raja-raja Melayu ketika satu masa dahulu.

Oleh yang demikian, warna kuning pada zaman dahulu jelas memperlihatkan perbezaan antara warna pada rumah biasa dengan istana raja, ini berlaku kerana adat resam pada masa itu yang telah membezakan milik raja dengan golongan hamba rakyat. Sekiranya adat ini dilanggar mereka akan dicap sebagai menderhaka. Dalam hikayat-hikayat lama arahan dari raja bagi rakyat jelata yang memakai warna kuning samada pakaian atau rumah akan di sula Besar kemungkinan klasifikasi warna yang sedemikian dalam komuniti Melayu menggambarkan hubungan pemikiran dan suasana sosialnya, disimbolkan kepada alam sekitar yang mengelilingi kehidupan mereka. Misalnya warna dalam kraftangan membawa simbol perhubungan dengan status dan kelas masyarakat Melayu yang merupakan satu sifat sejagat melampaui batasan ruang dan masa. Keadaan ini menggambarkan bahawa persepsi masyarakat Melayu mempunyai rantaian dengan pemikiran dan alam kehidupan mereka. Menurut Muhammad Haji Saleh (2000), estetika jelas menjadi sebahagian daripada pemikiran kesenian manusia Melayu, yang terbayang dalam hikayat, tekstil, pantai yang putih bersih, istana yang luas dan cantik. Manusia Melayu hidup dalam suatu persekitaran alam yang khusus. Selanjutnya beliau menyatakan bahawa sastera Melayu menyimpan ratusan mantera untuk menjaga diri daripada musuh, binatang buas dan penyakit, memaniskan muka dan peribadi, meramu dan mencampurkan akar kayu untuk ubat, membuat dakwat dan tinta pelbagai warna.

Dalam hampir semua fenomena sosial, warna menjadi salah satu kod budaya yang digunakan oleh orang Melayu. Sebagai kod budaya, warna merupakan satu unsur komunikasi simbolik dalam masyarakat. Menurut Saidatul Nornis (1999), warna dijelmakan oleh manusia dalam bentuk perlambangan pada pakaian, kain, cat muka dan badan, pada alat dan bahan-bahan yang terlibat dalam upacara sosial. Beberapa pengkaji mendapati bahawa perlambangan warna dalam kebudayaan manusia, mempunyai makna tertentu yang ditafsirkan sebagai simbol dan merupakan amalan budaya tradisi. (J.W. von Goethe 1810; Levy 1921; C.W. Daniel 1988; Hygeial1991; Gaia 1994; Siti Zainon 1986; Nakula 1990; Saidatul Nornis 1999); Lambang warna memberikan makna yang tersendiri, khususnya dalam lingkungan budaya tradisi agung seperti pakaian di kalangan istana atau pakaian di raja. Pandangan sedemikian turut ditegaskan oleh Piyadasa (2001), dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIV

juga meninggalkan kesan di Semenanjung Tanah Melayu, penggunaan warna untuk kepentingan perubatan dan spiritual dalam kehidupan harian mereka. Demikian juga, wujudnya dekorasi awaikon (*aniconic*) yang berwarna-warni di kalangan orang Melayu menjadi tertonjol. Kecenderungan terhadap dekorasi abstrak ini ditunjukkan dengan jelas pada penghiasan seni bina masjid-masjid, begitu juga binaan rumah dan pada seni dan kraf tradisional di istana raja Melayu.


Warna memainkan peranan yang penting bagi masyarakat Melayu, khususnya dalam kehidupan mereka dan boleh dikatakan dalam semua peringkat hidup seseorang. Ia membawa pengertian warna boleh melambangkan identiti dan mengandungi falsafah yang tersendiri sebagai satu unsur komunikasi simbolik dan membawa maksud bahawa orang Melayu boleh memindahkan maklumat melalui penggunaan simbol-simbol warna. Menurut Levy-Bruhl (1921), warna juga memperjelaskan kelas dan status seseorang, sebagai bentuk komunikasi lisan yang tidak dapat dipisahkan daripada perhubungan kebudayaan sesebuah masyarakat.

Oleh sebab itu penggunaan bahan pewarna ini juga dipercayai sebagai usaha kreatif untuk hidup dengan mengikut rentak alam persekitaran yang diturunkan secara turun temurun dari suatu generasi ke generasi yang lain. Perkara ini ditegaskan lagi oleh Rohidi Rohendi (2003), pedagogi tradisional adalah sesuatu nilai dalam sesebuah masyarakat yang diajarkan melalui pelbagai cara sesuai dengan tradisi masyarakat tempatan dari satu generasi ke generasi.

Pembinaan nilai dalam masyarakat Melayu mengenai nilai-nilai perwatakan yang berkaitan dengan imej warna mempunyai hubungan yang rapat dengan persoalan kehidupan harian secara berkesinambungan. Hakikat ini menjelaskan bahawa wujud kegiatan penggunaan warna yang boleh mempertingkatkan tahap nilai dalam kehidupan harian sesebuah keluarga tradisional dalam masyarakat Melayu. Pendapat ini diulas secara terperinci oleh Piyadasa (2000,2001) yang antara lain menyebut artifak masa lampau Melayu telah dihasilkan sebagai perkakas kegunaan dan digunakan dalam konteks situasi kehidupan sehari-hari, bagi memenuhi maksud magik, agama ataupun perhiasan. Hidup secara harmoni dengan alam sekitar merupakan satu prinsip yang diterima oleh kesemua masyarakat Melayu. Pendapat ini disokong oleh Chandra Muzaffar (2002), yang berpendapat bahawa budaya kehidupan

sesebuah masyarakat merujuk kepada tatacara mereka bertindak keatas persekitaran mereka dalam menguruskan kehidupan secara kolektif.

**Rajah 1: Kaedah sistem nilai tradisional dalam sesebuah masyarakat**



**Sumber: Kesenian dalam Pendekatan Kebudayaan oleh Rohendi Rohidi (2000)**

Nilai-nilai warna ini mempunyai hubungan dengan perwatakan kehidupan mereka. Sebagai contoh, imej-imej warna yang mengandungi maksud simbolik yang dinyatakan menerusi aktiviti seni, boleh membentuk tingkah laku manusia dan meningkatkan kesedaran terhadap kepekaan persekitaran dan alam. Masyarakat Melayu menggunakan warna untuk melahirkan hasrat, idea, nilai dan pandangan mengenai berbagai pengalaman hidup yang dilaluinya.

Mungkin perlu juga dinyatakan bahawa warna juga turut memainkan peranan penting dalam perubatan. Pandangan dan fahaman masyarakat Melayu boleh juga dikesan pada bentuk dan warna yang dihasilkan berdasarkan konteks kepercayaan mereka.

Rajah 2: Hasil kajian Warna mengikut Artifak di beberapa kawasan

Perkampungan Melayu Malaysia (Sopandi 2003)

Artifak	Kawasan	Warna yang dijumpai
Rumah adat tradisional, kraftangan	Ipoh Perak	Merah, kuning, putih
Rumah adat tradisional, Kraftangan	Santubong, Sarawak	Merah ,kuning, putih
Rumah adat tradisional, kraftangan	Tawau, Sabah	Merah, Hitam, Putih
Rumah adat tradisional, Kraftangan	Pulau Keladi, Pahang	Hitam, kuning, putih
Rumah adat tradisional, kraftangan	Seremban , Negeri Sembilan	Merah, hitam, putih

Hasil-hasil seni warna tempatan, terbukti bermutu tinggi dan mempunyai reka corak yang menarik. Menurut Siti Zainon (1997), seni warna merupakan hasil kemahiran silam dalam masyarakat Melayu. Ia mempunyai kaedah yang begitu halus dalam menggunakan bahan asli.

Menurut Piyadasa (2002), penggunaan sumber alam sekitar tidak asing lagi dengan jiwa para karyawan yang telah lama akur bahawa alam semula jadi itulah sumber terpenting bagi mewujudkan kebudayaan negara. Sebenarnya, seni tercipta bagi mengungkap hasrat kemanusiaan. Khazanah warna-warna asli yang diungkapkan ini tidak terhad malah lebih meluas apabila masyarakat tersebut menggunakan bahantara yang pelbagai. Secara umumnya, pewarna yang berasal dari tanah liat dan sebatian tanaman tempatan boleh juga digunakan sebagai bahan pewarnaan kraf tradisional Melayu. Pandai tukang kraf masa kini mengaplikasikan penggunaan warna dalam pelbagai kraf mereka sebagai media untuk membantu proses kreativiti yang telah diakui banyak memberi manfaat kepada perkembangan kraf negara.



## Peranan Warna Dalam Masyarakat Melayu Nusantara

Salah satu bentuk ekspresi kebudayaan manusia adalah penggunaan warna. Warna alam semula jadi telah pun digunakan sejak zaman dahulu lagi. Warna alam semula jadi nampaknya mempunyai peranan dalam aktiviti hidupan harian masyarakat Melayu ketika suatu masa dahulu. Menurut Saidatul Nornis (1999), makna warna tidak terhad setakat figurasi tampak dengan fungsi menghias sahaja, tetapi juga membawa makna instrinsik terutama apabila dilihat dari sudut hubungan masyarakat dan budaya. Pengamatan terhadap warna merupakan satu kekuatan emosi dari proses tampak, reaksi kita terhadap warna begitu kuat dan cepat.

Penegasan mengenai konsep perlambangan warna diperkukuhkan lagi oleh Siti Zainon Ismail (1985), yang menyatakan bahawa melalui warna, kita dapat memancarkan segala pengalaman, fikiran dan perasaan. Misalnya, warna biru melambangkan rasa sedih, kecewa atau kesepian, sedangkan warna merah akan memberikan kepada kita kesan panas, marah, dan melambangkan kuasa dalam pernyataan dari kekerasan dan pembinasaan.

Pada ketika ini, pengetahuan pandai tukang merupakan satu kekuatan emosi dari proses pengalaman dan tindak balas terhadap persekitaran yang kemudiannya diaplikasikan dalam proses penghasilan produk karya kraf.

Seterusnya, dengan melibatkan aktiviti dan kemahiran mengolah warna akhirnya dapat memberi sumbangan dalam mengembangkan pelbagai produk barangan kraf. Hal ini merangkumi proses pemikiran kreatif dalam latihan kemahiran untuk menimbulkan rasa keyakinan, kesedaran, daya tahan dan kesempurnaan sendiri. Menurut Mulder (1980), warna merupakan salah satu bentuk budaya yang lebih bermakna dalam hubungan antara manusia dengan alam persekitaran. Masyarakat Melayu meletakkan warna sebagai amalan budaya tradisi, dan berhubung rapat dengan adat resam sebagai lambang dan mempunyai makna tertentu dalam laras bahasa tampak. Seterusnya, melalui aktiviti tersebut, pandai tukang Melayu ini akan bertindak balas dengan persekitarannya.

## Cadangan dan Kesimpulan.

Masyarakat Melayu memiliki sistem nilai dan jati diri yang berkait rapat dengan sistem nilai yang dimiliki, persekitaran alam, keperluan hidup harian masyarakat berorientasikan penggunaan sumber warna dan kekayaan khazanah masa silam dalam konteks kehidupan moden masa kini.

Saya mengharapkan melalui seminar ini, kita dapat berkongsi maklumat, bertukar-tukar fikiran dan input dengan pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan mengenai penggunaan warna. Keberadaan warna sebagai bahan untuk kepelbagaian keperluan hidup harian masyarakat Melayu berkait rapat dengan nilai-nilai perwatakan Melayu dalam imej warna yang telah teruji dan diwarisi dari generasi ke satu generasi. Imej warna dalam masyarakat Melayu telah menjadi jati diri dan khazanah ekspresi budaya yang kekal hingga ke hari ini.

## RUJUKAN

Abdullah Muhamed (1990). *Warisan Kelantan IX*. Monograf Perbadanan Muzium Kelantan, Kota Bharu.

Achmad Sopandi Hasan. (1999). *Revival of Natural Colors*. Dewan Kerajinan Nasional. Jakarta.

Achmad Sopandi Hasan. (2000 ). *Earth Color*. Mata Mera . Bali.

Achmad Sopandi Hasan. (2001). *Indigo color*. World Eco-Fibre&Textile Forum, Atelier Sarawak, Kuching. Malaysia

Achmad Sopandi Hasan.(2001). *Natural Color*. Toyota Foundation Tokyo Japan

Achmad Sopandi Hasan. (2002).Laporan Penyelidikan Warna Prasejarah di Malaysia, Indonesia, Thailand.

Achmad Sopandi Hasan (2002). *Eco-Color dalam Melayu*. Prosiding Seminar Antara bangsa Pengajian Melayu ke 2, Beijing, China

Achmad Sopandi Hasan (2003). *Terapi Warna Untuk Mengembangkan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah*. kertas kerja Persidangan Psikologi Malaysia, Cityview Hotel Langkawi

Agar, Michael. (1974), *Ethnography and Cognition*. Minneapolis, Minnesota: Burger Publishing Co.

Ambika Wauters.(2001). *Prinsip-Prinsip Penyembuhan Dengan Warna*, Prestasi Pustaka, Jakarta Indonesia

Amy Katoh. (1997). *Blue and White Japan*. Tokyo. Charles E Tuttle Company.

Bellwood, Peter. (2000). *Prasejarah Kepulauan Indo-Malaysia*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama

Boas, F. (1955). *Primitive Art*. New York: Dover.

Budisantosa, S. 1982. *Kesenian dan Nilai-nilai Budaya. Dalam Analisis Kebudayaan Tahun II No. 2*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.

David Fontana. (1997). *The Secret Language of Symbols*. London. Judi Piatus.

Dean, Jenny. (1994). *The Craft of Natural dyeing, Glowing colours from the plant word*. Search Press limited. Wellwod, North Road Turnbridge Wells, Kent TN 2 3DR.

Dyson, J. (1995). *Home-made men. In redhead, D. Can Design make science fun*. The Journal the Design council.

Levy-Bruhl (1975). *The Notebooks on Primitive Mentality*. New York: Harper & Row

Maman s. Mahayana (2001). *Akar Melayu*. Indonesiana. Magelang, Indonesia Mary Anderson.(1990) *Colour Therapy*,Thompson.

Muhammad Haji Saleh (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur

Nita Leland (1990), *The Creative Artist*, North Light Books, Ohio.

Theo Gimbel (1987) *Form, Sound, Colour and Healing*. New York

Rohendi Rohidi, (2000). *Kesenian dalam Pendekatan Kebudayaan*. STISI Press. Bandung, Indonesia

Rita Robinson (1997). *Colour Your World*, Newcastle Press, California Saidatul Nornis. (1999). *Siratan Semantik Warna Dalam Etos Bajau* Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa Manu. Universiti Malaysia Sabah

Siti Zainon Ismail. (1985). *Getaran, jalur dan warna*. Petaling Jaya Penerbit Fajar Bakti.

Siti Zainon (1991). *Warna dalam adat Melayu Tradisi*. Dewan Budaya

Siti Zainon Ismail. (1986). *Reka Bentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Redza Piyadasa (2000). *Rupa Malaysia*. Balai Seni Lukis Negara. Kuala Lumpur.

Wairah Marzuki (2001). *Seni, Alam dan Kenegaraan*. Balai Seni Lukis Negara. Kuala Lumpur

Wolff, Janet. (1993) *The Social Production of Art*. New York:New York University Press.